

22 JUL 1999

MIC-PAS

MIC GESA KERAJAAN BERTEGAS KUATKUASA AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- MIC hari ini meminta kerajaan menguatkuasakan dengan tegas Akta Universiti dan Kolej Universiti bagi membendung parti pembangkang terutama PAS daripada memperalatkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk kepentingan politik mereka.

Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata jawatankuasa kerja pusat MIC yang bermesyuarat hari ini meminta kerajaan mengambil tindakan tegas untuk melindungi institusi pendidikan daripada permainan politik.

"Dalam hal ini, kami mencadangkan supaya akta itu dilaksanakan sepenuhnya bagi memastikan parti-parti pembangkang tidak dapat mempengaruhi dan meresapi pemikiran pelajar dan tenaga pengajar di institusi-institusi pengajian tinggi," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kerja pusat MIC di ibu pejabat MIC di sini.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata, PAS tidak pernah membincangkan soal untuk membangunkan negara sebaliknya hanya bertindak memburuk-burukkan kerajaan.

Mengenai isu gaji atau upah bulanan kepada pekerja ladang, beliau berkata satu jawatankuasa khas MIC yang dianggotai beberapa pakar kini dalam proses terakhir merumuskan cadangan mereka.

"Kertas cadangan ini akan siap akhir bulan ini dan dari situ barulah dapat MIC membuat satu rumusan kepada umum," katanya.

MIC juga mengucapkan terima kasih pada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek dan kerajaan Barisan Nasional atas jaminan yang diberikan kepada masyarakat India Malaysia berhubung pembubaran Lembaga Tabung Kumpulan Wang Buruh India Selatan.

"MIC meyambut baik keputusan kerajaan untuk menubuhkan Institut Kemahiran untuk masyarakat India Malaysia di atas tanah milik tabung ini," katanya.

Beliau juga berkata perhimpunan agung MIC pada 31 Julai ini akan dirasmikan oleh Dr Mahathir.

--BERNAMA

MEO MAI